

28/04/1997

Penyebarkan khabar angin tidak bertakwa: MB

HULU TERENGGANU, Ahad - Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, menyifatkan pihak tertentu yang menyebarkan khabar angin kononnya beliau akan berundur daripada jawatannya sekarang, sebagai mereka yang tidak bertakwa.

Menurutnya, pihak berkenaan sentiasa cuba mencetuskan rasa kurang senang di kalangan orang ramai dari semasa ke semasa, terutama ahli Umno dengan isu yang tidak pernah wujud.

"Kadang-kadang saya kasihan dengan golongan ini yang menyebarkan khabar angin seolah-olah perkara itu akan berlaku. Apabila tidak berlaku, pelbagai isu lain disebarikan.

"Pernah saya mendengar pelbagai tuduhan kononnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengajak saya ke luar negara bagi memilih negara mana yang sesuai untuk saya menjadi dutanya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan ahli Umno pada majlis dialog selepas pelancaran Yayasan Pembangunan Ekonomi Hulu Terengganu (YPEHT) di Dewan Majlis Daerah, di sini, malam tadi.

Katanya, isu pengundurannya sebagai Menteri Besar ditimbulkan sejak berakhirnya pilihan raya umum lalu, sedangkan khabar angin berkenaan tidak pernah wujud.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan ahli Umno di seluruh negeri ini supaya tidak mengendahkan isu berkenaan kerana yang penting semua pihak perlu menjaga perpaduan dan kerjasama bagi menghadapi pembangunan yang sedang dirancang kerajaan.

Sebelum itu, ketika berucap melancarkan YPEHT, Wan Mokhtar meluluskan peruntukan RM100,000 sebagai tambahan kepada dananya yang kini sudah melebihi RM500,000.

Beliau yakin melalui kepemimpinan cemerlang YPEHT akan menjadi contoh kepada daerah lain di negeri ini untuk membentuk tabung pembangunan sendiri bagi memajukan masyarakat setempat.

"YPEHT perlu mencari pakar dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan, ekonomi dan pendidikan untuk memberi idea supaya YPEHT dapat memainkan fungsi cemerlang di masa depan," katanya.

Falsafah itu, katanya sesuai dengan penubuhan yayasan untuk mempertingkatkan taraf ekonomi rakyat, pencapaian akademik cemerlang, menjayakan aspirasi rakyat di daerah dan negeri serta membabitkan diri dalam kegiatan ekonomi yang menguntungkan.

Hadir sama di majlis itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insfratraktur negeri, Tengku Putera Tengku Awang, yang juga Pengerusi YPEHT dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Belia dan Sukan, Othman Daud.

(END)